

Headline	Lebih 500 spesies hidup di Hutan Simpan Pant		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Aug 2022	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	12	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	448 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,648
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,945



Kota Tinggi: Lebih 500 spesies termasuk 230 spesies tumbuhan berbunga dijumpai dan direkodkan di Hutan Simpan Pant di sini.

Semua spesies itu direkodkan hasil penganjuran Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan sepanjang lima hari bermula 21 Ogos lalu.

Pengarah Perhutanan Negeri Johor (JPN) Datuk Salim Aman berkata, 230 spesies tumbuhan berbunga yang ditemui memabatkan empat spesies endemik dan satu rekod baru.

Katanya, selain itu, terdapat juga 230 spesies tumbuhan herba, 50 spesies macrofungi, beberapa spesies orkid dan 11 spesies halia liar.

"Turut direkodkan 17 spesies papatung, tujuh spesies kupu-kupu, 50 spesies semut, lapan spesies belalang pigmi, 39 spesies labah-labah, 20 spesies katak termasuk satu rekod baru dan 16 spesies reptalia termasuk tujuh rekod baru.

"Juga direkodkan ialah 52 spesies ikan, 128 spesies burung termasuk spesies ikon Pant iaitu Malaysian Rail

Babler dan beberapa lagi spesies fauna seperti Lotong Cenekah, landak Raya, Asian Golden Cat, Barking Deer dan Flat-headed cat," katanya.

Penganjuran ekspedisi itu dijalankan bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung



Lebih 500 spesies hidup di Hutan Simpan Pant

POLYPEDATES colletii antara spesies yang dijejaki di Hutan Simpan Pant.



NEPENTHES Rafflesiana yang ditemui dalam ekspedisi lima hari.



MENKARUNG Hutan antara spesies baru yang ditemui.



BURUNG Takau Hitam Kuning juga ditemui.

Malaysia (JPSM), JPN dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), diketuai Timbalan Naib Canselor

(Penyelidikan dan Inovasi) UTHM Profesor Dr Mohd Shahir Shamsir Omar.

Menurut Salim, tujuan

ekspedisi saintifik kali ini untuk mengumpulkan data dan maklumat mengenai kepelbagaian biologi hutan

terkini, khususnya hutan simpanan kekal.

Katanya, ia juga dapat membantu penyelidik dan

pebuat dasar khususnya Kerajaan Negeri dalam penguurusan dan pemeliharaan sumber alam semula jadi negara.

"Pemilihan kali kedua Hutan Simpan Pant sebagai kawasan kajian ekspedisi selepas ekspedisi pertama pada tahun 2006, selaras dengan hasrat untuk membangunkan kawasan Hutan Simpan Kekal Pant satu kawasan konservasi khas iaitu Pant Conservation Area (PCA).

"PCA ini berkonsepkan pengurusan bersepadu yang berorientasikan konservasi kepelbagaian biologi, penyelidikan dan pendidikan serta diintegrasikan dengan pembangunan ekopelancongan," katanya.

Ekspedisi disertai seramai 126 individu memabatkan sembilan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu UTHM, UPM, UTM, UKM, UiTM, UMT, UMK, UM dan USM serta dua institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) iaitu UNM dan UCAM serta sebuah institusi penyelidikan swasta, Technichem (M) Sdn Bhd. Ia turut memabatkan tiga agensi Kerajaan iaitu Jabatan Perhilitan, Jabatan Kimia Malaysia dan Jabatan Mineral dan Geosains. Turut terbahit dua institusi penyelidikan iaitu FRIM dan MARDI serta tiga badan bukan kerajaan (NGO) iaitu MNS, NEST dan Ecoexplorers Malaysia.